

25 JAN 2002

Kastam-Kesatuan

KESATUAN KASTAM SAMBUT BAIK JAMINAN PM TIDAK SWASTAKAN JABATAN

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Kesatuan Pegawai-pegawai Kastam Semenanjung Malaysia hari ini mengalu-alukan jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad untuk tidak menswastakan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Setiausaha Agung Kesatuan Abdul Rahman Manan berkata jaminan itu menunjukkan kerajaan mempunyai keyakinan terhadap komitmen semua kakitangan jabatan berkenaan dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

"Dengan ini pihak kesatuan berharap semua peringkat kakitangan dan pegawai akan terus meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan mereka bagi menjamin pungutan hasil yang terus meningkat selaras objektif jabatan sendiri," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Abdul Rahman yang juga Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), berkata, jaminan perdana menteri itu juga selaras dengan harapan kesatuan yang dibawa melalui Cuepacs kepada Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) pada tahun 1998.

Harapan itu antara lain meminta supaya jabatan dan agensi kerajaan yang menjalankan tugas-tugas pungutan hasil, penguatkuasaan undang-undang, kesihatan dan kebajikan tidak dimasukkan di dalam program penswastaan kerajaan.

Selain itu katanya, sempena pelancaran sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 yang berlangsung di Akademi Kastam di Bukit Baru di sini hari ini, Perdana Menteri turut melancarkan pakaian seragam dan logo baru jabatan itu.

Sebelum ini, para pegawai dan kakitangan jabatan itu menggunakan pakaian seragam dengan seluar berwarna biru dan baju kuning, kini ditukar kepada warna senada iaitu biru kastam.

"Sebelum ini juga hanya kakitangan dan pegawai kanan jabatan sahaja yang mengenakan uniform, tapi sekarang telah diselaraskan semua kakitangan jabatan termasuk Ketua Pengarah Jabatan akan menggunakan uniform yang sama," katanya.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah menggunakan pakaian seragam yang sama sejak 1974. Bagaimanapun, dua tahun lalu pihak kesatuan telah mencadangkan pakaian seragam itu diubah agar lebih sesuai untuk mencerminkan imej korporat jabatan.

"Cuma kami minta agar pakaian seragam baru ini dapat dibekalkan seberapa segera terutamanya kepada kakitangan dan pegawai untuk mengelakkan orang ramai jadi keliru bila lihat dua pakaian seragam yang berlainan," katanya.

Selain itu, sempena pelancaran ini juga, nama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah ditukarkan menjadi Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

-- BERNAMA

SNS AHH RHM